

# Kerajaan terus siasat punca bocor maklumat 1MDB

**KUALA LUMPUR 2 Ogos** - Pihak berkuasa akan terus melakukan siasatan termasuk mengambil keterangan terhadap sesiapa sahaja bagi mengetahui punca pembocoran maklumat berkaitan isu 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, dalam hal itu, semua pihak harus melihat profesionalisme Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menjalankan tugas mereka tanpa campur tangan daripada beliau.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, penahanan beberapa individu yang dibuat oleh

polis sebelum ini bukanlah satu tangkapan tetapi lebih berbentuk siasatan dan pengambilan kenyataan bagi mengesan pihak yang membocorkan maklumat tersebut.

“Saya ingin menyatakan bahawa siasatan akan terus dilakukan sehingga terdapat sumber dan punca di mana kebocoran maklumat yang terpapar dalam media sosial termasuk Sarawak Report.

“Siasatan itu dibuat berdasarkan laporan polis yang diterima dan polis menjalankan siasatan bagi mengesan sumber pembocoran maklumat sama ada melibatkan individu tertentu dalam

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Bank Negara Malaysia mahupun dari pihak PDRM sendiri.

“Mereka yang terlibat tidak akan terlepas daripada disoal siasat,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberi selepas merasmikan majlis Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian Kepong di sini hari ini.

Semalam, seramai tiga individu ditahan bagi membantu siasatan polis berhubung laporan yang diterima terhadap pengarang portal Sarawak Report, Clare Rewcastle Brown.